

22. Majlis Perkahwinan

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

majlis perkahwinan

paluan kompang

kolong blok

bunga manggar

dijamu

bersilat

Hari ini, keluarga saya pergi ke suatu majlis perkahwinan. Majlis itu diadakan di kolong blok. Semua orang berpakaian kemas dan cantik. Hiasan di majlis itu juga cantik dan berwarna-warni.

Di majlis itu, kami dijamu nasi beriani. Nasinya sungguh enak. Di majlis itu juga terdapat pelbagai jenis kuih-muih dan buah-buahan.

Ketika saya sedang makan, saya terdengar paluan kompang. Satu kumpulan kompang dan dua orang yang memegang bunga manggar sedang mengiringi kedua-dua pengantin.

Apabila pengantin sudah berada di atas pelamin, saya lihat beberapa orang bersilat di hadapan pengantin. Saya terpegun dengan kemahiran mereka dalam bersilat.

Ketika kami hendak pulang, kami diberi beberapa berkat pengantin. Saya pula diberi gula-gula dan keropok.